

UNIMAS MyMoheS Kekal Unggul Dengan Penarafan 5 Bintang

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIMI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terus kekal unggul apabila berjaya mengekalkan status **5 bintang** penarafan data MyMoheS yang telah dihantar bagi tempoh berakhir pada 30 April 2021 (Modul Pelajar) dan 30 Jun 2021 (Modul Staf, R&D&C dan Institusi).

Pengumuman penarafan bintang ini telah diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Kualiti Data (MKD) MyMoheS Bil.02/2021 yang diadakan pada 5 Oktober 2021. Mesyuarat dijalankan secara virtual dengan kehadiran semua wakil Universiti Awam Malaysia. UNIMAS telah diwakili SQRC selaku Urusetia MyMoheS Universiti.

Timbalan Setiausaha, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT, YBrs Ts. Salwati binti Badroddin telah mempengerusikan mesyuarat pada kali ini. Beliau dalam aluannya telah menekankan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian antaranya semakan maklumat kepakaran staf, kemaskini maklumat institusi dan maklumat program pengajian.

Pemarkahan bagi penarafan bintang data MyMoheS dilakukan menerusi tiga kriteria utama iaitu masa penghantaran, kesempurnaan data dan kualiti data bagi kesemua empat modul iaitu Modul Staf, R&D&C, Pelajar dan Maklumat Institusi.

Dalam analisa yang dikeluarkan, UNIMAS telah merekodkan markah 100% bagi kriteria masa penghantaran dan kesempurnaan data, manakala 99.56% markah bagi kualiti data. Markah keseluruhan yang diperolehi UNIMAS ialah 99.82% dan layak kekal dengan status **5 bintang**.

MyMoheS merupakan satu sistem maklumat KPT bagi menyepadukan dan meningkatkan kualiti data UA secara berterusan. Modul utama sistem ini terdiri dari Modul Pelajar, Staf, R&D&C dan Maklumat Institusi. Proses penghantaran data universiti disalurkan melalui SPeeD UNIMAS ke pangkalan data di dalam sistem MyMoheS.

Tahniah atas kerjasama erat semua pemilik data dan pembangun sistem antaranya BPSM, BPPs, PPS, CITDS, RIEC, UG, PKP, PeTARY dan Pra-U.

Bengkel Semakan Pelan Strategik UNIMAS Separuh Tahun 2021

Kota Samarahan : Pejabat Naib Canselor dan Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) dengan kerjasama Pusat Kepimpinan UNIMAS (ULC) telah mengadakan Bengkel Semakan Pelan Strategik UNIMAS bagi separuh tahun 2021.

Bengkel sehari tersebut berlangsung pada 12 Oktober 2021 bertempat di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA.



Beliau turut menekankan kajian semula terhadap beberapa sasaran petunjuk prestasi yang perlu dilakukan agar ianya lebih relevan.

Turut hadir dalam bengkel ini ialah Pengerusi LPU, barisan Pengurusan Tertinggi, Dekan, Pengarah dan Profesor Tetap.

Ketua Strategi Fakulti Sertai THE Impact Ranking 2022 Masterclass

Kota Samarahan : Ketua Strategi Fakulti telah mengikuti THE *Impact Ranking 2022 Masterclass* pada 14 September 2021 anjuran Times Higher Education (THE).

Sesi atas talian telah dipengerusikan oleh Simone Dilena, *President-APAC*, THE Australia manakala taklimat dijalankan oleh Duncan Ross, *Chief Data Officer*, THE London.

Turut serta dalam taklimat ini ialah Pengarah dan Timbalan Pengarah SQRC serta beberapa staf pelaksana yang turut terlibat dalam proses penarafan ini.

Sesi ini dianggap sangat bermanfaat terutama kepada Ketua Strategi Fakulti dalam memahami metodologi yang digunakan untuk tujuan penarafan *Impact Ranking* pada tahun 2022.



Impact Rankings 2022
Data Submission Workshop
Duncan Ross, Chief Data Officer



KPT anjur Taklimat Sistem e-Anjung MyMoheS


Kota Samarahan : Seksyen Data, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menganjurkan taklimat sistem e-Anjung MyMoheS.

Taklimat dijalankan secara atas talian pada 29 September 2021 dihadiri semua wakil Universiti Awam (UA) di Malaysia. UNIMAS telah diwakili oleh staf-staf dari SQRC yang merupakan penyelaras Universiti bagi data-data MyMoheS ini.



Taklimat atas talian ini dijalankan sebagai alternatif ekoran pandemik Covid-19. Sebelum ini, taklimat serupa dijalankan secara bengkel bersemuka bagi mereka yang masih baharu dan sebagai *refresher* kepada staf sedia ada yang mengendalikan dan terlibat secara langsung dengan sistem MyMoheS.

MyMoheS merupakan satu sistem maklumat KPT bagi menyepadu dan meningkatkan kualiti data UA secara berterusan. Modul utama terdiri dari Modul Pelajar, Staf, R&D&C dan Maklumat Institusi. Sistem e-Anjung pula merupakan satu kemudahan yang disediakan sebagai perantara sistem UA dan KPT.



Di UNIMAS, proses penghantaran data universiti disalurkan melalui SPeed UNIMAS ke pangkalan data di dalam sistem MyMoheS. Pemurnian data dijalankan secara berterusan bagi memastikan kualiti data yang dibekalkan sentiasa terjamin.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS bersidang secara hibrid

Kota Samarahan : Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS telah bersidang secara hibrid pada Rabu, 22 September 2021.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS Bil.02/2021 itu telah dipengerusikan oleh YBhg Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi. SQRC adalah Urusetia kepada Jawatankuasa peringkat Universiti ini.

Pihak Urusetia telah membentangkan laporan aktiviti pengurusan risiko, laporan prestasi pengurusan risiko UNIMAS dan juga analisa risiko PTJ. Pihak Jawatankuasa turut menerima maklum pembentangan kertas kerja bagi pelaporan senarai terkini Risk Assessment (RA), Risk Treatment Plan (RTP) dan Security Metrics bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat.




SQRC Adakan Mesyuarat Pentadbiran Secara Atas Talian

Kota Samarahan : Warga SQRC telah mengikuti Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.02/2021 pada 17 September 2021 secara atas talian melalui aplikasi webex.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron dan dihadiri semua staf SQRC samada yang bertugas di pejabat

mahupun di rumah. Dalam mesyuarat kali ini, semua wakil unit telah membentangkan pelaporan aktiviti dan projek semasa unit masing-masing.

Dalam aluannya, Pengarah SQRC turut menyampaikan amanat ringkas terutamanya dalam berhadapan dengan situasi pandemik pada ketika ini.



Endemik, Epidemik dan Pandemik

Endemik

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah

Contoh situasi: Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia

Epidemik

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai 'wabak'. Sebagai contoh, jangkitan demam kepialu pada 2 kes yang saling berkait dianggap wabak/epidemik

Contoh situasi: Wabak COVID-19 yang sedang berlaku di beberapa buah negara dan kejadian penyakit polio di Sabah

Pandemik

Kejadian wabak besar-besaran ke seluruh dunia. Merentasi wilayah dan memabitkan populasi yang besar. Kebiasaannya memabitkan jangkitan penyakit baharu (Novel)

Cirinya adalah memabitkan kadar serangan yang tinggi dalam masa singkat dengan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi

Contoh situasi: Kejadian 'Black Death' di antara kurun ke-14 hingga kurun ke-17 yang memabitkan kematian 2/3 penduduk dunia (penyakit hawar/Yersinia pestis)

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Kalendar Aktiviti



September 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Audit Dalaman ISO/IEC 27001:2013 ISMS	Mesyuarat Kemasukan Audit (Entrance Audit)	1/9/2021
2	Audit Dalaman ISO/IEC 27001:2013 ISMS	Sesi Audit	1-10/9/2021
3	Sesi Perbincangan Polisi Perkongsian Data	KPM & UA	1/9/2021
4	THE Impact Rankings 2022	Participation Masterclass	14/9/2021
5	Mesyuarat Pentadbiran SQRC	Bil. 02/2021	17/9/2021
6	Mesyuarat JKPR	Bil. 02/2021	22/9/2021

Oktober 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Kualiti Data MyMoheS KPT	Bil.02/2021	5/10/2021
2	Bengkel Semakan Pelan Strategik	Separuh Tahun 2021	12/10/2021
3	Taklimat ISO bersama BPSM	ISO 9001:2015	15/10/2021
4	THE Emerging Economies Summit 2021	THE	18-20/10/2021
6	Sesi Benchmarking Pengurusan Prestasi dan Risiko	PPKS / iCATS	22/10/2021
5	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.02/2021 Ke-5	27/10/2021